

BAYARAN ZAKAT KEPADA BUKAN AMIL: SATU KAJIAN DARI ASPEK MAQOSID SYARIAH DAN PERUNDANGAN

Norita Kamaruddin & Zanariah Dimon

¹Faculty of Syariah & Jurisprudence, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Norita Kamaruddin. ¹Faculty of Syariah & Jurisprudence, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: norita@kuis.edu.my

Abstrak

Zakat merupakan suatu perkataan yang membawa pengertian yang penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam syiar Islam. Pengurusan kutipan dan agihan zakat yang efektif dapat menjamin kesejahteraan hidup masyarakat bahkan dapat meningkatkan terhadap penghayatan Islam. Pengurusan perihal zakat adalah tertakluk kepada kuasa dan pandangan pemerintah setempat. Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) negeri-negeri adalah pemerintah yang berkuasa dalam pengurusan zakat termasuklah berkaitan kutipan zakat masyarakat setempat. Namun, masih ada segelintir institusi, syarikat dan individu yang tidak membayar zakat menerusi amil yang telah dilantik oleh kerajaan negeri. Oleh itu kertas ini adalah bertujuan untuk menjelaskan daripada sudut maqosid dan juga perundangan mengenai isu bayaran zakat yang dibuat kepada bukan amil yang dilantik. Metodologi kajian yang digunakan adalah melalui pengumpulan data menerusi analisis dokumen-dokumen yang relevan dan valid dengan skop kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa bayaran zakat kepada amil yang mempunyai tauliah adalah selari dengan maqasid al-syari'ah dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan syariat. Di Malaysia, keseluruhan negeri memperuntukkan bahawa urusan mengutip zakat perlulah dilakukan oleh amil atau ejen yang dilantik dan bertauliah sahaja. Kuasa mengutip zakat yang diberikan kepada amil pula adalah bersifat setempat dan tidak boleh merentasi kawasan negeri lain. Dapatan lain ialah, dari segi syarak mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui amil yang dilantik secara sah oleh kerajaan negeri adalah sah tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa.

Kata Kunci : Zakat, amil, maqosid, perundangan

(PAYMENT OF ZAKAT TO NON-AMILS: A STUDY FROM THE MAQOSID ASPECTS OF SHARIAH AND LEGISLATION)

Abstract

Zakat is an important word and a high-ranking word in Islamic teachings. Effective management of zakat collection and distribution can ensure the well-being of communities and even increase appreciation of Islam. Administration of zakat shall be subject to the authority and views of local authorities. In Malaysia, the States Islamic Religious Council (MAIN) is the powerful government in the administration of zakat, including community zakat collection. However, there are still a small number of institutions, companies and individuals who do not pay zakat through the Amil which appointed by state governments. This document therefore aims to explain the issue of zakat payments to appointed non-amil from a maqosid perspective and from a legislative perspective. The research methods used are based on data collection through analysis of relevant valid documents within the study. The results of the study show that paying zakat to accredited Amil is in line with Maqosid al-Shariah by following the guidelines set by the Shariah. Malaysia, as a whole, stipulates that zakat collection can only be done by appointed and authorized officials or agents. The authority given to Amir to collect zakat is local in nature and cannot cross the territory of another nation. Another insight is that under Shariah law, it is legal to distribute zakat privately without consulting an official legally appointed by the state government, but not to violate government regulations or the law of good conduct. It is a sin.

Keywords: Zakat, amil, maqosid, legislation

Received: April 13, 2023

Accepted: May 11, 2023

Online Published: June 30, 2023

1. Pendahuluan

Kebaikan dan faedah zakat akan dapat dirasai apabila amil memainkan peranannya dengan berkesan seperti yang pernah disaksikan sepanjang sejarah umat Islam. Peranan asasi amil adalah mengutip dan mengagih zakat. Untuk memenuhi tuntutan semasa, proses kutip dan agih mesti dilakukan dengan perancangan rapi dan menggunakan mekanisme terbaik. Mekanisme ini sebahagiannya telah dinyatakan dalam nas dan perbendaharaan fiqh klasik. Apa yang diperlukan ialah memantapkan proses dan mekanisme tersebut dengan

menggunakan kreativiti dan teknologi semasa. Peranan amil begitu signifikan dan wajar diakui dalam mengurus harta zakat. Kebaikan dan faedah zakat akan dapat dirasakan apabila amil memainkan peranannya dengan berkesan seperti yang pernah disaksikan sepanjang sejarah umat Islam. Amalan Rasulullah SAW yang menghantar amil-amil ke setiap wilayah umat Islam telah menjadi pembuka jalan dan memberikan idea kepada para sahabat R.A selepas baginda meningkatkan kecekapan pengurusan zakat.

Konsep Asas Zakat

Zakat merupakan satu ibadah yang istimewa dalam syariat Islam kerana ia memangkin pertumbuhan ekonomi dan menjaga kebajikan golongan yang kurang bernasib baik. Terdapat begitu banyak hikmah pensyariatan zakat. Antaranya ialah mengagihkan kekayaan daripada golongan yang kaya kepada golongan yang memerlukan bantuan supaya harta tidak kaku atau berlegar dalam kalangan golongan tertentu sahaja serta membersihkan harta bagi pembayar zakat. Firman Allah SWT:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ۗ

Maksudnya: (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu.

Surah al-Hasyr 59 : 7

Dari sudut bahasa menurut lisan al-arab (Ibn Manzur), zakat boleh ditakrifkan sebagai suci, tumbuh, berkat dan terpuji. Pengertian suci dalam definisi zakat pula bermaksud menyucikan harta dan diri orang kaya daripada bersifat kedekut dan bakhil dan menyucikan diri daripada sifat dengki dan dendam terhadap mereka. Zakat juga boleh dimaksudkan dengan keberkatan, kesucian, perkembangan dan kebaikan. Dinamakan zakat kerana ia dapat mengembangkan harta yang telah dikeluarkan zakatnya dan menjauhkannya dari segala kerosakan sebagaimana kata-kata Ibnu Taimiyyah “Diri dan harta orang yang mengeluarkan zakat menjadi suci dan bersih serta hartanya berkembang secara maknawi”. Pendapat lain pula mengatakan kalimah zakat diambil kata kerja ‘*tazakka*’ yang bermaksud ‘mensucikan’ sebagaimana digunakan dalam ayat-ayat al-Quran dan hadis, antaranya firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu (Muhammad) itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

Surah At-Taubah (9):103

Dari sudut istilah syarak menurut Dr. M. Yusuf Al-Qardawi (1987), zakat dari sudut istilah boleh ditakrifkan dengan sejumlah harta tertentu yang diwajibkan Allah SWT untuk diserahkan kepada orang-orang yang berhak iaitu mengeluarkan jumlah tertentu. Hukum menunaikan zakat bagi orang Islam yang mencukupi syaratnya adalah wajib secara nas dan ijma' sepertimana yang termaktub dalam surat yang ditulis oleh Sayyidina Abu Bakar RA:

هَذِهِ فَرِيضَةُ الصَّدَقَةِ الَّتِي فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: Kefarduan sedekah (yakni zakat) ini ialah seperti mana yang difardukan oleh Rasulullah SAW ke atas kaum Muslimin. Hadith riwayat Bukhari : 1454

Zakat adalah salah satu rukun Islam yang lima. Antara hikmah dan tujuan Allah swt mensyariatkannya ialah:

Pertama; Amalan berzakat boleh membiasakan diri orang yang membayar zakat supaya bersifat pemurah dan suka membantu. Amalan tersebut juga boleh membuang sifat kedekut dan bakhil;

Kedua; Zakat boleh menguatkan hubungan persaudaraan dan kasih sayang antara pembayar zakat dengan anggota masyarakat yang lain;

Ketiga; Zakat berperanan untuk memastikan sesebuah anggota masyarakat itu menjadi lebih sempurna dan berfungsi memelihara masyarakat daripada jurang perbezaan taraf sosial yang ketara;

Keempat; Zakat merupakan amalan yang dapat membersihkan hati daripada sifat-sifat keji yang boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat, iaitu sifat berdendam, iri hati dan hasad dengki. Sifat-sifat tersebut akan merebak dalam masyarakat jika hilang sifat berkasih sayang, tolong-menolong dan saling bersimpati; dan

Kelima: Antara hikmah menunaikan zakat ialah membawa kepada keamanan dalam negara.

Dari penjelasan mengenai hikmah zakat, ia menunjukkan bahawa kesan pelaksanaan zakat bukan semata-mata dilihat dari sudut keperluan memenuhi perintah agama. Namun, ia dapat memberikan kebaikan dan kesan positif dalam diri individu, masyarakat dan negara.

Hubungan antara zakat dan maqosid Syariah

Konsep maqāsid al-sharī'ah sering dikaitkan dalam kehidupan seorang Muslim dalam semua aspek termasuk isu pengurusan zakat. Objektif utama agihan zakat ialah untuk menjadikan zakat sebagai asas pembangunan masyarakat, menunaikan hak dan tanggungjawab kepada golongan yang berhak yang ditetapkan oleh syara' serta melaksanakan usaha kebajikan dan meningkatkan penghayatan agama Islam. Pemahaman terhadap penggunaan wang zakat bukan sekadar memungut serta mengagihkan kepada yang berhak sahaja, malah ia perlu dilihat dari sudut maqasid al-syari'ah agar pengertian secara holistik tentang pengurusan zakat serta hal-hal yang berkaitan dengannya dapat dilaksanakan sebaik mungkin dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan syariat. Maqasid syari'ah adalah matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat Islam demi kepentingan umat manusia. Allah SWT menetapkan syariat-Nya untuk memberikan kebaikan (masalah) kepada manusia dan mengelakkan kerosakan (mafsadah).

Maqasid merupakan bentuk plural (jama') dari maqsud yang berasal daripada kata qasada yang bermaksud menuju, bertujuan, berkeinginan dan kesengajaan (Wehr, 1980). Kata maksud maqasid dapat diertikan sebagai tujuan atau beberapa tujuan. Sedangkan al-Syari'ah berasal daripada kata syara'a yang bermaksud jalan menuju sumber air sebagai sumber kehidupan (alAfriqi, t.th). Oleh itu, secara terminologi maqashid al-syari'ah boleh diertikan sebagai tujuan-tujuan ajaran Islam atau dapat juga difahami sebagai tujuan-tujuan pembuat syariat iaitu Allah SWT dalam menggariskan ajaran atau syari'at Islam. Tidak dapat dinafikan bahawa Syatibi adalah pengasas ilmu maqasid kerana ia buat pertama kalinya menyusun maqasid al-syari'ah secara sistematik dalam kitabnya *al-muwafaqat fi usul al-syari'ah* sehingga wajar disebut sebagai perintis Maqasid syari'ah (Hasbullah, 2011).

Maqasid al-syariah menurut Imam al-Syatibi secara dasarnya terangkum dalam tiga kategori iaitu dharuriyyat, hajjiyyat, dan tahsiniyyat. Dharuriyyat iaitu segala sesuatu yang sangat penting dalam kelangsungan hidup manusia untuk dipenuhi. Dharuriyyat merangkumi lima perkara iaitu menjaga agama, nyawa, akal, harta dan keturunan (maruah). Kelima-lima perkara ini adalah keperluan asasi yang amat diperlukan oleh setiap manusia. Seandainya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi, maka kehidupan manusia tiada ertinya lagi (Hamka Haq, 2007). Sebarang perkara dan tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai mafsadah (Mahmood Zuhdi & Paizah, 2004). Mohammed Hashim Kamali (2010) berpendapat bahawa pengabaian kepada perkara asasi ini boleh membawa kepada kehancuran dan keruntuhan peribadi dan masyarakat. Adapun hajjiyyat

adalah sesuatu keperluan hidup bagi memudahkan kehidupan dan kelapangan dalam menjalankan tugas seharian di dunia. Ia merupakan satu keperluan bagi mengelakkan kesusahan hidup di dalam masyarakat, dengan kata lain umat manusia akan menghadapi kesempitan tanpa asas ini dari dipenuhi. Sedangkan tahsiniyyat pula suatu keperluan yang tidak terlalu

Apabila ditinjau dengan lebih mendalam tanggungjawab membayar zakat itu dapat mencapai kelima-lima unsur maqasid al-syari'ah.

- i. Prinsip menjaga kemuliaan agama. Menjaga kemuliaan agama adalah amat penting dan wajib bagi seseorang muslim. Ini bermakna mereka perlu memelihara kesucian agama dalam apa jua keadaan. Segala tindak-tanduk mestilah tidak bertentangan dengan ajaran Islam. segala perintah Allah SWT harus dilaksanakan dan segala larangannya harus dijauhi. Membayarkan zakat sebagai bentuk ketaatan seorang yang beragama Islam kepada Allah SWT kerana ia termasuk kategori menjaga kemuliaan agama.
- ii. Prinsip menjaga nyawa. Sebagai seorang individu muslim berhak dan sewajarnya bertanggungjawab bagi memastikan keperluan menjaga nyawa (termasuk nyawa orang Islam yang lain) ini dipenuhi demi kesejahteraan semua dan tidak melakukan sesuatu yang akan mengancam nyawa diri sendiri dan masyarakat. Dengan amalan membayarkan zakat dan mengagihkan zakat bererti kita telah menjaga keperluan hidup orang-orang yang memerlukan agihan zakat tersebut terutama golongan fakir dan miskin daripada ancaman kebuluran.
- iii. Prinsip menjaga akal dan fikiran. Akal dan fikiran penting untuk menggarap ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya bagi membolehkan mereka mencari sumber rezeki yang halal. Tanpa kewarasan akal dan fikiran, kemungkinan seseorang akan terdorong untuk melakukan kekerasan, keganasan dan hilang rasa hormat menghormati ketika mencari sumber rezeki yang halal. Zakat sewajarnya dihasilkan daripada sumber yang halal dan ia membentuk keperibadian dan kesejahteraan masyarakat.
- iv. Prinsip menjaga maruah dan keturunan. Orang Islam yang menunaikan kewajipannya membayar zakat akan melahirkan penghormatan daripada ahli masyarakat disamping keberkatan dalam kehidupan. Sebaliknya mereka yang tidak membayarkan zakat walaupun sudah memenuhi syarat-syaratnya akan dibenci bahkan dalam sejarah Saidina Abu Bakar r.a pernah memerangi orang yang tidak membayar zakat (Alatas, t.th).
- v. Prinsip menjaga harta. Di dalam ajaran Islam sendiri mengalakkan umatnya mencari sumber rezeki dan harta yang halal bagi memenuhi keperluan asas mereka seperti makan, pakaian, dan tempat tinggal. Selain itu, harta yang dizakatkan harus juga bersumber dari pendapatan yang halal. Sekalipun harta biasanya diletakkan pada peringkat paling bawah, namun harta penting sebagai wasilah untuk mencapai penjagaan aspek-aspek lain sehingga kepada penjagaan terhadap agama (Mohamad Sabri Haron, 2011). Apabila semua unsur-unsur maqasid al-syari'ah dalam pembayaran dan pengagihan zakat terpenuhi, maka kesejahteraan masyarakat akan dapat direalisasikan. Segala

masalah ekonomi, kewangan, dan kemiskinan yang melanda umat Islam dewasa ini akan dapat dikurangkan secara maksima.

Apabila semua unsur-unsur maqasid al-syari'ah dalam pembayaran dan pengagihan zakat terpenuhi, maka kesejahteraan masyarakat akan dapat direalisasikan. Segala masalah ekonomi, kewangan, dan kemiskinan yang melanda umat Islam dewasa ini akan dapat dikurangkan secara maksima.

Peranan Amil Dalam Islam

Ibnu Qudamah (2004) mentakrifkan amil sebagai golongan yang diutus Imam untuk mengambil zakat daripada pemiliknya, mengumpulkannya, menjaganya dan memindah-mindahkannya. al- Konsep Amil Dan Peranannya Dalam Pengurusan Zakat Bahutiyy (1982) pula mengatakan bahawa amil itu ialah pengutip, penulis, pembahagi dan pengumpul zakat. Dia ialah wakil kepada imam tetapi bukan kadi atau wali.

Secara amnya amil bermaksud pekerja atau orang yang melakukan sesuatu perbuatan. Namun istilah ini tidak digunapakai secara meluas melainkan apabila melibatkan hal ehwal zakat. Istilah amil ini diungkap dengan jelas oleh al-Quran ketika Allah S.W.T menerangkan tentang golongan yang berhak menerima zakat dalam fman-Nya:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ
فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya penguatkuasa yang mengumpulkan zakat), dan orang-orang muallaf yang dijajah hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah, dan orang-orang musafir yang keputusan dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan yang datangnya daripada Allah, dan ingatlah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Surah
al-Tawbah (9): 60

Perkataan amil pada ayat yang disebutkan iaitu "orang yang bekerja", merujuk kepada individu atau kumpulan yang kerjanya menyempurnakan fardu kifayah sebagai pemungut, pencatat, penjumlah, pengumpul dan penjaga zakat yang berhak mendapat upah (al-Qurtubiyy t.th). Kewujudan amil telah mendapat pengiktirafan daripada Rasulullah S.A.W

menerusi sabda baginda yang membandingkan ganjaran amil yang setara dengan golongan yang berjuang dan berjihad ke jalan Allah dalam hadis:

عن رافع بن خديج قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: العامل على الصدقة بالحق كالغازي في سبيل الله حتى يرجع إلى بيته

Maksudnya: "Daripada Raji" bin Khadij, Rasulullah SAW bersabda: "Amil pegawai zakat yang berkhidmat mengutip dan mengagihkan) sedekah (zakat) dengan hak (adil dan telus) akan mendapat pahala sebanding dengan pahala tentera yang berjuang di jalan Allah sehingga dia kembali ke rumahnya.

(Hadis. Abu Dawud. Bab fi al-Sa'ayah 'Ala al-Sadaqah. Juz' 3 : 2938).

Al-Qaradawi merumuskan, amil merupakan golongan yang menguruskan dua tanggungjawab asas kutip dan agih (Al-Qaradawi, 2003) iaitu mengutip zakat dari mereka yang layak berzakat dan mengagihkan kepada asnaf yang lapar. Tidak kira apa jua jawatan mereka yang menjurus kepada aktiviti mengumpul, mengira, menyimpan, mengurus, merancang, menjaga dan mengagih harta zakat. Namun ini tidak termasuk Sultan, Raja, Gabenor mahupun Hakim yang terlibat dengan kerja-kerja amil. Walau bagaimanapun mereka layak mendapat upah dari baitulmal. (Nawawi. 1995).

Menurut Abang Mohamad Shibli (2000), Secara ringkas, tugas dan peranan amil adalah merancang, mengelola dan melapor semua kerja berkenaan urusan zakat seperti operasi perundangan dan peraturan, pengurusan kewangan, sistem pungutan, sistem agihan, pelaburan, pengurusan projek dan penjagaan aset. Amil menguruskan proses mengenalpasti penerima zakat, menyiasat dan memproses setiap permohonan dan bertanggungjawab menentukan kesahihan dan kelayakan yang digariskan, memberi bantuan dalam bentuk yang diluluskan, mengesan keberkesanan bantuan dan membuat laporan aktiviti-aktiviti tersebut untuk rekod dan semakan dari semasa ke semasa. Mereka menentukan lebihan kewangan zakat disimpan atau dilabur ke institusi yang selamat. Oleh yang demikian segala jenis pekerjaan yang dilakukan demi kepentingan organisasi tersebut melayakkan seseorang itu menjadi amil. Perlantikan mereka menjadikan proses pelaksanaan zakat lebih teratur dan sistematik. Di negara minoriti umat Islam, pelbagai badan, yayasan atau pertubuhan diwujudkan sendiri oleh komuniti Islam terbabit untuk menguruskan hal-ehwal zakat. (Mujaini Tarimin, 2005).

Kehadiran lembaga amil zakat telah memberi semangat kepada masyarakat untuk membayar zakat melalui institusi. Dari segi kompetensi, amil dituntut untuk bertindak profesional, amanah dan memahami fekah dalam pengurusan zakat. Dalam Islam, kerajaan mempunyai kuasa untuk memungut zakat. Islam menegaskan hal tersebut dengan menjadikan para pengumpul zakat menjadi salah satu golongan yang berhak menerima zakat. Islam mewakilkan pungutan zakat kepada negara dan bukan kepada perseorangan disebabkan oleh kerana beberapa perkara:

1. Sekiranya urusan zakat diserahkan kepada orang yang telah mati nuraninya, maka hakikat dan tujuan dari zakat tidak akan tercapai. Sehingga urusan zakat perlu diurus oleh kerajaan atau lembaga yang mewakilkannya.
2. Hak orang fakir boleh mengambil haknya dari negara bukannya terus daripada orang kaya adalah untuk menjaga kemuliaannya dan memelihara kehormatannya.
3. Sekiranya pengurusan zakat diserahkan kepada perseorangan, maka akan mengakibatkan pengurusan zakat menjadi tidak teratur dan kucar kucir. Dengan demikian, peranan kerajaan sangatlah penting dalam pengurusan zakat.

Daripada huraian di atas, dapat difahami bahawa pungutan zakat dalam Islam adalah menjadi tugas kerajaan atau lembaga yang diwakilkan oleh kerajaan. Hal ini bertujuan untuk mencipta kemudahan dan kemaslahatan dalam Islam (Yusuf Qardhawi, 2005). Dengan salah satu pertimbangan tersebut, maka kerajaan membuat inisiatif untuk mengawal pengurusan zakat oleh negara dengan melantik amil yang bertauliah dengan tujuan untuk meningkatkan peranan negara dalam menguruskan zakat untuk mewujudkan keberkesanan pengagihan zakat.

Fatwa mengagihkan zakat secara persendirian

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) kali ke-76 pada 21-23 November 2006 di Terengganu telah membincangkan Hukum Pengagihan Zakat Secara Persendirian. Muzakarah memutuskan:

Dari segi siasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pemerintah atau *ulil amri* adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkarakebaikan adalah berdosa. Ini kerana dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *ulil amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Isu ini telah timbul apabila terdapat kecenderungan sesetengah syarikat atau anggota masyarakat mengagih sendiri zakat kepada asnaf zakat tanpa melalui agensi yang telah dilantik oleh kerajaan atau pemerintah. Selain itu, timbul juga persoalan tentang hukum *qada'* zakat dan sejauh mana pelaksanaannya di Malaysia. Kekeliruan ini berlaku disebabkan perbezaan antara amalan semasa sesetengah syarikat dan individu dengan akta, fatwa atau peraturan yang dikeluarkan tentang perkara tersebut. Perlembagaan Persekutuan telah menyenaraikan zakat di bawah bidang kuasa negeri. Semua negeri di Malaysia telah memperuntuk perkara berkenaan dengan urusan zakat ini sama ada di bawah akta atau enakmen di negeri masing-masing atau diletakkan di bawah enakmen khusus tentang zakat.

Akta atau enakmen juga ada memperuntuk kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau syarikat yang dilantiknya memungut zakat daripada pemilik harta dan setiap orang yang melanggar akta atau enakmen tersebut boleh dikenakan hukuman.

Menurut Seksyen 16 (b) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) secara jelas memperuntukkan kuasa kepada Majlis atau wakilnya untuk memungut zakat. Ini bermaksud, orang yang membayar zakat atau fitrah melalui amil yang tidak dilantik oleh Majlis adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16 (b) dan boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan. Walau bagaimanapun, dari segi amalannya banyak syarikat korporat atau orang perseorangan yang membayar sendiri atau mengeluarkan sebahagian daripada zakat mereka kepada asnaf yang dianggap layak menerima zakat (seolah-olah mereka ialah amil yang dilantik untuk mengagihkan zakat kepada asnaf yang layak). Mereka beranggapan seksyen 16 tersebut tidak mengikat seseorang atau sesebuah syarikat untuk mengagihkan sendiri secara terus kepada asnaf zakat.

Penelitian yang dibuat terhadap beberapa himpunan fatwa (yang tidak diwartakan) yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri pula menunjukkan tiada tegahan untuk mana-mana orang atau syarikat membayar sendiri zakat kepada asnaf yang layak menerimanya. Keputusan-keputusan fatwa ini secara amnya menguatkan lagi hujah yang membolehkan syarikat atau orang ramai membayar zakat secara terus tanpa melalui Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Negeri. (Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Berhubung Dengan Isu-isu Muamalat, 2006).

Peruntukan Undang-undang Berkaitan Pungutan dan Agihan Zakat

Bidang kuasa berkaitan undang-undang Islam termasuk urusan zakat adalah terletak dalam bidang kuasa negeri berdasarkan peruntukan dalam Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan (Zaini Nasohah, 2018). Pihak berkuasa utama dalam hal ehwal agama Islam adalah majlis agama Islam negeri (MAIN) dengan dibantu oleh jabatan agama Islam negeri. Secara amalannya, MAIN adalah mewakili pemerintah dalam urusan pungutan dan agihan zakat sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan serta enakmen-enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri. Walau bagaimanapun, terdapat juga negeri-negeri yang menswastakan urusan kutipan zakat kepada syarikat yang dilantik oleh MAIN seperti Wilayah Persekutuan, Pahang, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka (Mohd Rusydi Ramli & Luqman Abdullah, 2016).

Kuasa MAIN dalam urusan pungutan dan agihan zakat diperuntukkan dalam akta/enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri. Sebagai contoh dalam seksyen 86 Enakmen

Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan kuasa MAIN memungut dan mengagih zakat dan fitrah di negeri Selangor:

“Majlis hendaklah berkuasa memungut dan mengagih zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Selangor mengikut Hukum syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.”

Peruntukan yang sama juga terdapat di negeri-negeri lain. Umpamanya, peruntukan di negeri Perlis dalam seksyen 86, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006 yang memperuntukkan”

“Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Perlis mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah.”

Peruntukan undang-undang tersebut di peringkat negeri ini menunjukkan bahawa pihak berkuasa agama negeri mempunyai kuasa dalam mengurus pungutan dan agihan zakat oleh orang Islam dalam negeri masing-masing. Bagi menjalankan kuasa tersebut, MAIN berhak mengawalselia semua perkara yang berhubungan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah. MAIN juga berhak menentukan nilai kadar zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh setiap orang Islam dari semasa ke semasa, mewujudkan tatacara pemungutan zakat dan fitrah, mewujudkan tatacara pembahagian zakat dan fitrah kepada asnaf yang berhak, melantik amil-amil bagi menjalankan pemungutan zakat dan fitrah dan mewujudkan kesalahan dan hukuman bagi perkara-perkara yang berkaitan pemungutan atau penyerahan hasil pungutan zakat dan fitrah.

Justeru itu, MAIN mempunyai kuasa untuk melantik amil-amil sebagai wakil MAIN dalam pungutan dan agihan zakat. Adalah menjadi satu kesalahan menurut undang-undang Islam negeri-negeri di Malaysia sekiranya orang Islam membayar zakat atau fitrah bukan melalui amil yang dilantik oleh MAIN. Menurut Seksyen 21 (b) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 secara jelas memperuntukkan kuasa kepada Majlis atau wakilnya untuk memungut zakat. Ini bermaksud, orang yang membayar zakat atau fitrah melalui amil yang tidak dilantik oleh Majlis adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 21(b) dan boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan. Peruntutannya adalah seperti berikut:

21. Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi:

(a) enggan membayar atau dengan sengaja enggan membayar zakat atau fitrah;

(b) enggan membayar atau dengan sengaja enggan membayar zakat atau fitrah itu, melalui amil yang dilantik, atau mana-mana

*pihak lain yang
 atau fitrah*

diberikuasa, oleh Majlis untuk memungut zakat

*adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak
 melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-
 duanya.*

Manakala perbuatan orang yang memungut zakat atau fitrah secara tidak sah atau tanpa mendapat pentauliahian daripada Majlis agama Islam juga merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang jenayah syariah negeri-negeri. Seksyen 37 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 memperuntukkan:

*37. Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan
 dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa
 oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh
 didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau
 kedua-duanya.*

Secara umumnya, kriteria yang penting untuk mensabitkan kesalahan di bawah peruntukan ini adalah orang yang melakukan perbuatan tersebut, perbuatan memungut zakat atau menyebabkan perbuatan memungut zakat itu dilakukan, perkara yang dipungut iaitu zakat ataupun fitrah, perbuatan memungut atau menyebabkan zakat atau fitrah itu dipungut oleh orang yang tidak dilantik oleh majlis agama Islam sebagai amil atau apa-apa sahaja nama jawatan yang mempunyai fungsi yang sama seperti amil iaitu memungut zakat (Syed Mohd Najib Syed Omar et al., 2017)

Kebanyakan negeri di Malaysia memperuntukkan dua bentuk kesalahan berkaitan pungutan dan agihan zakat iaitu pembayaran zakat bukan pada amil yang sah dan dilantik oleh majlis agama Islam negeri serta pungutan zakat tanpa kuasa yang sah. Walau bagaimanapun, terdapat juga negeri yang tidak memperuntukkan kesalahan tersebut dalam undang-undang negeri. Jadual berikut menunjukkan perincian kesalahan tersebut dalam akta/enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia:

Jadual 1: Peruntukan Kesalahan Membayar Zakat bukan Pada Amil Yang Dilantik

BIL	NEGERI	UNDANG-UNDANG	PERUNTUKAN KESALAHAN MEMBAYAR ZAKAT BUKAN PADA AMIL	HUKUMAN
1	Perlis	Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991	X	X

2	Kedah	Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988	X	X
3	Pulau Pinang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1996	Ss 16 (b)	Denda RM1000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
4	Perak	Enakmen Jenayah (Syariah) 1992	Ss 40	Denda RM1000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
5	Selangor	Enakmen Jenayah Syariah 1995	Ss 21(b)	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
6	Wilayah Persekutuan	Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Ss 16(b)	Denda RM1000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
7	Negeri Sembilan	Enakmen Jenayah Syariah 1992	X	X
8	Melaka	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1991	Ss 82(2)	Denda RM5000 atau penjara 36 bulan atau kedua-duanya
9	Johor	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997	16 (b)	Denda RM1000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
			Ss 34	Denda RM1000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
10	Pahang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013	Ss 39	Denda RM2000 atau penjara 1 tahun atau kedua-duanya
11	Kelantan	Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985	X	X
12	Terengganu	Enakmen Kesalahan Jenayah (Takzir) 2001	Ss 20(b)	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
			Ss 41	Denda RM1000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya

13	Sabah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995	X	X
14	Sarawak	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001	Ss 31	Denda RM1000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya

Sumber : Portal esyariah. Gov.my. 11 Oktober 2022

Jadual 2: Peruntukan Kesalahan Pungutan Zakat atau Fitrah Tanpa Kuasa

BIL	NEGERI	UNDANG-UNDANG	PERUNTUKAN KESALAHAN PUNGUTAN ZAKAT TANPA KUASA	HUKUMAN
1	Perlis	Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991	X	X
2	Kedah	Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988	X	X
3	Pulau Pinang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1996	Ss 33	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
4	Perak	Enakmen Jenayah (Syariah) 1992	Ss 41	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
5	Selangor	Enakmen Jenayah Syariah 1995	Ss 37	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
6	Wilayah Persekutuan	Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Ss 33	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
7	Negeri Sembilan	Enakmen Jenayah Syariah 1992	Ss 118(3)	Denda RM1000 atau penjara 1 tahun atau kedua-duanya
8	Melaka	Enakmen Kesalahan Syariah 1991	X	X
9	Johor	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Ss 33	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau

				kedua-duanya
10	Pahang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013	Ss 38	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
11	Kelantan	Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985	X	X
12	Terengganu	Enakmen Kesalahan Jenayah (Takzir) 2001	Ss 40	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
13	Sabah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995	X	X
14	Sarawak	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001	Ss 30	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya

Sumber: Portal esyariah.gov.my. 11 Oktober 2022.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang mengenai kesalahan memungut zakat atau fitrah tanpa lantikan dari pihak berkuasa agama negeri atau kuasa secara sah sebagai amil yang bertauliah amat penting untuk mengelakkan daripada berlakunya penipuan yang diakibatkan oleh orang yang cuba mengambil kesempatan daripada masyarakat yang ingin melaksanakan kewajipan sebagai seorang muslim (Syed Mohd Najib Syed Omar et al., 2017). Selain itu, peruntukan kesalahan tersebut juga bagi memastikan bayaran zakat tersebut dapat disalurkan kepada golongan asnaf yang berhak menurut syarak dan undang-undang setempat. Sesungguhnya, peruntukan tersebut adalah selaras dengan fatwa yang dikeluarkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-76 bahawa hukum membayar zakat secara bersendirian kepada asnaf, tanpa melalui institusi zakat adalah sah tetapi perbuatan tersebut melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan dan ia adalah berdosa. Ini kerana dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau ulil amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Justeru, penguatkuasaan undang-undang berkaitan kesalahan pungutan dan agihan zakat secara tidak sah adalah sangat penting dan perlu bagi memastikan kemaslahatan dan maqasid zakat dapat dicapai sepenuhnya kepada golongan asnaf yang berhak.

Kesimpulan

Pihak berkuasa bertanggungjawab memastikan rakyatnya menunaikan kewajipan yang telah disyariatkan terutamanya di kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, pusat-pusat perniagaan dan lain-lain. Rasulullah SAW sendiri tidak pernah menyerahkan urusan zakat

kepada orang perseorangan sebaliknya diserahkan menjadi tanggungjawab pemerintah dalam urusan pemungutan dan pengagihan zakat. Hal ini adalah kerana tujuan dan matlamat disyariatkan zakat tidak mampu dicapai sekiranya ibadah tersebut tidak dilaksanakan secara menyeluruh atau mengikut tatacara yang tidak berlandaskan syariat. Malah pelaksanaan yang sebegini akan mencacatkan lagi apa yang ingin dicapai daripada ibadah zakat tersebut dan tidak meninggalkan sebarang kesan yang diharapkan sekaligus merosakkan kesempurnaan Islam itu sendiri. Akibatnya, masyarakat Islam akan jauh ketinggalan dalam pembangunan dari segenap segi kerana kegagalan mereka memenuhi tuntutan agama Islam yang sebenar.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abang Mohammad Shibli Abang Mohd Nailie. 2000. *Peranan Zakat Dalam Pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abu Dawud, Sulayman bin al-Asha'ath al-Sijistaniyy. 1995. *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Afriqi, Ibn Mansur. t.th. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar ash-Shadr.

al-Nawawi, Muhyiddin Abu zakariyya Yahya bin Syaraf. 2005. *Minhaj al-Thalibin Wa 'Umdah al-Muftin*. Dar Manhaj : Beirut

Alatas, Syed Hasan. t.th. Khalifah Abu Bakar Assiddiq. <http://www.shiar-islam.com/doc64.htm>, 10 Januari 2014.

al-Qardawi , Dr. M.Yusuf. 1987. *Hukum Zakat*. Singapura : Penerbitan Pustaka Nasional Pte Ltd.

al-Qurtubiyy, Mohammad Ahmad Al-Ansari. (tt). *Jami; al-Ahkam Al-Qur'an*. j.8. Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah.

al-Bahutiyy, Mansur bin Yunus bin Idris. 1982. *Kashshaf al-Qina' An Matn al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr

Hasbullah bin Mat Daud. 2011. *Teori Maqasid al-Syari'ah: Kajian Perbandingan Antara Pemikiran al -Syatibi dan 'Izz al - Din Ibn 'Abd al -Salam*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

- Ibn Qudamah, Abdul Ahmad. 1999. *al-Mughni, Beirut* : Dar al-Kitab al-Arabi 11: 290
- Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail. 2004. *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn Bhd.
- Mohammed Hashim Kamali. 2010. *Al-Maqasid Al-Shari'ah The Objectives Of Islamic Law*. <http://www.aml.org.uk/cms/assets/Uploads/journals/3.1/Kamali-Maqasid.pdf>, 13 November 2014.
- Mohamad Sabri Haron. 2011. *Isu-isu Ekonomi dalam Dimensi Pemikiran Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM.
- Mohd Rusydi Ramli, Luqman Abdullah. 2016. *Agihan Zakat Terus Kepada Asnaf: Analisis Fiqh Dan Kedudukannya Di Malaysia*. Labuan e-Journal of Muamalat and Society. Vol. 10, 2016, 86-100
- Mujaini Tarimin. 2006. *Golongan Penerima Zakat : Agihan Dana Secara Lebih Berkesan*, Shah Alam, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA). UiTM
- Syed Mohd Najib Syed Omar, Azman Ab. Rahman , Zahari Mahad Musa & Ahmad Anis Muhd Fauzi. 2017. *Kesalahan Memungut Zakat Oleh Orang Yang Tidak Dilantik Atau Diberikuasa Oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri Di Malaysia dalam Zahari Mahad Musa, Azman Abdul Rahman & Adibah Abdul Wahab (ed.). Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Wehr, Hans. 1980. *A Dictionary of Modern Written Arabic* . London: McDonald & Evan Ltd.,
- Yusuf Qardhawi. 2005. *Ibadah Dalam Islam. (Al-Ibadah fil Al-Islam)* (Terj. As'ad Yasin), Jakarta, Akbar Media Eka Prasarana,
- Yusuf al-Qaradawi. 2003. *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dau'i al-Qur'an wa al-Sunnah*. Cet. Ke-22. Kaherah: Matabah Wahbah.
- Zaini Nasohah. 2018. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Peruntukan Akta dan Enakmen*. Edisi Kedua. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Rujukan Statut:
- Perlembagaan Persekutuan
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997

Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Negeri Perlis) 1991

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 1988

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996

Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992

Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985

Enakmen Kesalahan Jenayah (Takzir) (Terengganu) 2001

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995

Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001